



**PEJABAT TIMBALAN DEKAN (JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT)  
FAKULTI BIOTEKNOLOGI DAN SAINS BIOMOLEKUL  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA,  
43400 UPM SERDANG SELANGOR  
TEL: 03-9769 7508**

**GARIS PANDUAN CONNECT@BIOTECHUPM SEBAGAI PLATFORM  
KOMUNIKASI UNTUK PENYELESAIAN MASALAH INDUSTRI  
BERDASARKAN KEPAKARAN STAF FAKULTI BIOTEKNOLOGI DAN SAINS  
BIOMOLEKUL, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

## **1.0 LATAR BELAKANG DAN TUJUAN**

Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul, Universiti Putra Malaysia (UPM) merupakan institusi akademik yang terdiri daripada empat (4) jabatan yang merangkumi pelbagai bidang berkaitan bioteknologi dan sains biomolekul. Fakulti ini berperanan memperkukuh kerjasama strategik antara pihak akademik dan industri melalui perkongsian kepakaran, teknologi, dan pengetahuan bagi memacu pertumbuhan ekonomi berasaskan sains dan teknologi.

Garis panduan ini bertujuan memberikan panduan yang jelas dan komprehensif kepada pihak industri menggunakan suatu platform komunikasi khas bagi melaksanakan aktiviti jaringan industri atau kajian berdasarkan kepakaran ahli fakulti. Dengan adanya garis panduan ini, proses permohonan penyelesaian masalah industri dapat dijalankan secara teratur, telus, dan efisien, serta dapat memastikan perlindungan maklumat yang terkawal.

Nama "Connect@BioTechUPM" dicadangkan untuk melambangkan jalinan (*connect*) kerjasama yang bakal dibentuk melalui padanan strategik antara FBSB dan pihak industri. Contoh manfaat yang dijangkakan adalah penciptaan produk baharu, penambahbaikan produk atau proses sedia ada, juga inovasi lain yang praktikal, berimpak tinggi dan relevan dengan pasaran.

## 2.0 TATACARA PERMOHONAN

- a) Pengisian borang menerusi *Google Form* boleh dilakukan oleh Pegawai Akademik (mewakili syarikat) atau pihak Syarikat sendiri.
- b) Pihak fakulti akan menyemak dan menilai dari aspek kesesuaian projek atau aktiviti dengan bidang kepakaran fakulti berdasarkan pangkalan data staf.
- c) Proses semakan dan kelulusan kepada pihak industri akan mengambil masa 14 hari bekerja daripada tarikh penerimaan permohonan yang lengkap.
- d) Jika kepakaran berkaitan melibatkan lebih daripada seorang (1) pensyarah, sesi *pitching* akan dilaksanakan antara pensyarah berkenaan dan pihak industri untuk tujuan padanan projek.
- e) Padanan projek yang berjaya hendaklah melalui sistem permohonan geran industri JINM dan dilaporkan di dalam sistem HiStaf dibawah komponen JINM.
- f) Amaun projek yang ditaja hendaklah dimasukkan ke dalam Akaun Amanah JINM FBSB bagi jumlah dana sehingga maksimum RM100,000.00. Bagi jumlah tajaan yang melebihi RM100,000.00, ketua projek perlu membuka Akaun Sub-JINM.
- g) Adalah dicadangkan agar ketua projek turut mempertimbangkan permohonan Geran Insentif, dengan persetujuan pihak industri, selaras dengan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak CiRNeT.

## 3.0 TANGGUNGJAWAB INDUSTRI ATAU PIHAK BERKAITAN

- a) Pihak industri bertanggungjawab menyediakan maklumat yang tepat dan lengkap semasa proses permohonan.
- b) Pihak industri hendaklah memastikan semua aktiviti yang dijalankan selaras dengan garis panduan yang telah ditetapkan oleh fakulti.
- c) Segala kos yang terlibat dalam pelaksanaan projek adalah di bawah tanggungjawab pihak industri, melainkan dinyatakan sebaliknya dalam perjanjian rasmi.

## 4.0 CAJ PENGURUSAN

Bagi projek yang berjaya, caj pengurusan sebanyak 5% akan dikenakan dan dimasukkan ke dalam akaun Amanah JINM.

## 5.0 PENAFIAN







Fakulti tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, kehilangan, kerosakan atau sebarang konflik yang timbul akibat padanan industri dengan ahli akademik yang diperoleh melalui platform ini. Pihak industri dan ahli akademik terpilih bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pelaksanaan projek atau aktiviti yang dijalankan.

**\*Garis panduan ini tertakluk kepada perubahan berdasarkan keperluan semasa dan keputusan pihak fakulti.**

Disediakan oleh:

Pejabat Jaringan Industri dan Masyarakat  
Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul

## Carta Alir dan Perincian

Tanggungjawab	Carta Alir	Perincian
		
Pihak Industri / Ketua Projek (wakil industri)		Pengisian Borang Google Form oleh Pegawai Akademik (wakil industri) atau pihak industri sendiri. di <a href="https://forms.gle/1WytV2FBzpFRCRSq7">https://forms.gle/1WytV2FBzpFRCRSq7</a>
Timbalan Dekan (TD) JINM, Urus Setia TD JINM		Pejabat TD JINM akan memadamkan projek dengan kepakaran pensyarah yang bersesuaian.
TD JINM		<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sekiranya permohonan di luar bidang kepakaran FBSB dan tiada padanan yang sesuai, Pejabat TD JINM akan memaklumkan perkara tersebut kepada pemohon dan memajukan permohonan yang sama kepada pihak CiRNeT UPM menerusi emel <a href="mailto:dir.cirnet@upm.edu.my">dir.cirnet@upm.edu.my</a> atau pautan GF borang hasrat kerjasama industri-UPM di <a href="https://forms.gle/UZVxqUw3B1gxfyMA">https://forms.gle/UZVxqUw3B1gxfyMA</a>.</li> <li>2. Bagi padanan yang berjaya, perbincangan lanjut antara pihak industri dan pensyarah akan diatur untuk menetapkan skop projek dan bentuk kerjasama.</li> </ol>
TD JINM, Ketua Projek, Pihak Industri		Sesi pitching akan dilaksanakan antara pensyarah dan pihak industri untuk tujuan padanan projek sekiranya kepakaran berkaitan melibatkan lebih daripada seorang (1) pensyarah.
Ketua Projek, Urus Setia TD JINM, Pejabat Penasihat Undang-Undang (PUU)		<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Projek padanan yang berjaya perlu didaftarkan dalam sistem HiStaf.</li> <li>2. Sekiranya projek memerlukan NDA, MoU, Lol atau LoA, Ketua Projek bertanggungjawab untuk berurusan dengan pihak industri dan menghantar draf dokumen kepada Urus Setia TDJINM untuk semakan oleh PPUU.</li> <li>3. Amaun tajaan projek hendaklah dimasukkan ke dalam Akaun Amanah JINM FBSB bagi jumlah sehingga RM100,000.00; manakala bagi tajaan yang melebihi jumlah tersebut, ketua projek perlu membuka Akaun Sub-JINM. Ketua projek juga perlu mengambil maklum bahawa caj pengurusan sebanyak 5% akan dikenakan bagi setiap projek yang berjaya dilaksanakan.</li> <li>4. Ketua projek digalakkan untuk mempertimbangkan permohonan Geran Insentif dengan persetujuan pihak industri, selaras garis panduan CiRNeT.</li> </ol>